

Lebih banyak spesies bakau di Gardens by the Bay jelang 2027

Singapura akan menanam lebih banyak spesies bakau di kawasan paya di Gardens by the Bay. Ini setelah kajian menunjukkan habitat tersebut berkesan dalam menangkap karbon dan menggalak kewujudan pelbagai spesies tumbuhan dan haiwan dalam persekitaran semula jadi.

Ia diumumkan dalam sesi kuliah di Gardens by the Bay pada Khamis yang dihadiri Menteri Kedua Pembangunan Negara, Cik Indranee Rajah, lapor *The Straits Times*.

Bakau berkesan dalam menyerap dan menyimpan karbon dioksida (CO²) dalam akar dan endapan sekitarnya, membantu mencegah gas pemanasan planet daripada memasuki atmosfera.

Hutan bakau boleh menyerap tiga hingga lima kali ganda lebih karbon dioksida daripada hutan hujan tropika, bergantung di mana spesies bakau ditanam.

Gardens by the Bay merancang menggandakan kawasan penanaman bakau di habitat paya seluas 5,148 meter persegi yang sedang dibangunkan di Bay East Garden, setelah kajian perintis dijalankan di Tanah Paya Kingfisher.

Bay East Garden dijangka akan dibuka pada 2027.



TANGANI PERUBAHAN IKLIM: Gardens by the Bay akan menggandakan kawasan penanaman bakau di kawasan paya seluas 5,148 meter persegi di Bay East Garden pada 2027. – Foto fail

Kajian ini disokong oleh Pusat Penyelesaian Iklim Berasaskan Alam Universiti Nasional Singapura, Temasek, dan SG Eco-Fund.

Mengambil perhatian keunikan rawa buatan bandar di Singapura, Ketua Pegawai Eksekutif Gardens by the Bay, Encik Felix Loh, menyatakan beliau gembira Tanah Paya Kingfisher dapat berfungsi sebagai wadah bagi pakar

ekologi menilai potensi pengasingan karbonnya.

“Paya seperti itu juga mendekatkan biodiversiti kepada penduduk kota selain menjadi wadah untuk mendidik orang ramai tentang potensi paya bakau buatan manusia sebagai satu ikhtiar masyarakat bandar menyumbang kepada usaha memerangi perubahan iklim.”